

NAMA : _____

BAB 1 : MENGENALI SEJARAH

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

monograf

sejarawan

kajian

peristiwa

rekod-rekod

Sejarah ialah _____ yang berlaku pada masa lalu. Peristiwa lampau yang berlaku dalam masyarakat dan negara dikaji oleh _____ atau ahli sejarah. Mereka menyelidiki _____ lama dan memuatkan dapatan _____ mereka dalam bentuk buku, _____ atau makalah.

B. Tuliskan nama sejarawan yang betul bagi setiap pernyataan di bawah.

Sejarah membicarakan perkara tentang masyarakat manusia, peradaban dunia dan perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu.	
Suatu proses interaksi berterusan antara ahli sejarah dengan fakta-faktanya, suatu dialog yang tidak berkesudahan antara masa kini dengan masa lampau.	
Sejarah ialah masa lalu itu sendiri. Sejarah juga merupakan catatan ataupun rekod tentang sesuatu peristiwa yang berlaku pada suatu masa yang lalu.	
Sejarah merujuk kepada apa-apa yang pernah atau sudah berlaku. Sejarah mendorong kita lebih memahami apa-apa yang berlaku pada masa kini, di samping menjamin kesilapan yang sama tidak berulang. Sejarah ialah ibu kepada semua bidang.	

C. Tuliskan konsep ruang masa yang betul bagi setiap maklumat yang berikut.

i. Zaman bermula dengan kelahiran Nabi Isa A.S	
ii. Tempoh masa 10 tahun	
iii. Tempoh masa 100 tahun	
iv. Tempoh masa 1000 tahun	

D. Susun kronologi bermula dari awal hingga akhir Sejarah Malaysia

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu

Permulaan Kerajaan Melaka

Kedatangan British kali Kedua

Kedatangan Portugis di Melaka

Majlis Menandatangani Perjanjian Kemerdekaan

Pengisytiharan Malaysia
